

28 FEB 2004

Nazri-Kontraktor

KONTRAKTOR HANYA DIBERI SATU PELUANG, KATA MOHAMAD NAZRI

LENGGONG, 28 Feb (Bernama) -- Semua kontraktor yang diberikan projek di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan hanya diberikan satu peluang untuk melaksanakan projek berkenaan dengan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz berkata kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawab itu akan disenaraihitamkan dan tidak akan diberikan peluang kedua.

Katanya kementerian telah mengarahkan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) mengambil tindakan demikian kerana semua projek di bawah kementerian itu melibatkan pihak ketiga.

"Kita tidak mahu sebarang kegagalan oleh kontraktor menjejaskan kepentingan pihak ketiga. Sebagai contoh, di bawah kementerian banyak projek pembinaan kedai dan kegagalan kontraktor menyiapkannya dengan sempurna mengikut jadual akan menyebabkan ramai orang tidak dapat berniaga.

"Kita juga banyak projek pembinaan institusi-institusi pendidikan di bawah MARA (Majlis Amanah Rakyat) seperti MRSM (Maktab Rendah Sains Mara), IKM (Institut Kemahiran Mara) dan Pusat Giat Mara. Kegagalan akan menjejaskan pengambilan pelajar," katanya kepada Bernama selepas menyempurnakan majlis meletak batu asas IKM Lenggong dan majlis pecah tanah Pusat Giat Mara Lenggong, di sini hari ini.

Bagi kontraktor yang menjalankan projek kementerian-kementerian lain, Mohamad Nazri berkata jika berlaku sebarang masalah, PKK akan menunggu cadangan atau maklum balas dari kementerian terbabit sebelum bertindak menyenaraihitamkan kontraktor terbabit.

Beliau berkata kementeriannya mempunyai terlalu banyak kontraktor untuk dijaga dan dengan itu hanya kontraktor yang memberi komitmen 100 peratus dalam menjayakan kerja mereka akan diberi peluang.

Dalam perkembangan lain, Mohamad Nazri yang juga anggota Parlimen Chenderoh berkata beliau membawa banyak projek di bawah kementeriannya terutamanya dalam aspek pendidikan ke Perak kerana kagum dengan usaha bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam memajukan negeri asalnya, Kedah.

"Kedah adalah negeri yang mundur satu ketika dahulu tetapi sebagai Perdana Menteri beliau cuba membangunkan negeri itu terutama Langkawi. Langkawi hari ini cukup membangun.

"Kerana itu saya guna cara dia untuk majukan Perak terutama Hulu Perak, tempat asal saya...cuma pengaruh saya dalam skala yang lebih kecil iaitu hanya terhadap kementerian saya," katanya.

Beliau berkata sebab itu tidak hairan negeri Perak terutama Hulu Perak mempunyai bilangan institusi pendidikan di bawah MARA yang paling banyak berbanding negeri-negeri lain.

-- BERNAMA

KAY RHM